

Peruntukan kawasan hijau di ibu negara

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa memaklumkan kawasan lapang seluas 2,393.79 hektar di ibu negara diperuntukkan sebagai kawasan hijau setakat ini.

Beliau berkata, daripada keluasan itu, sebanyak 977.55 hektar tanah diwartakan, manakala 1,416.24 hektar tanah lapang berpotensi akan dan sedang dalam proses diwartakan.

“Taman Persekutuan Bukit Kiara, Taman Rekreasi Bukit Kerinchi, Taman Tasik Metropolitan Kepong, Taman Tasik Pudu Ulu dan Taman Tasik Titiwangsa juga adalah kawasan lapang dan rekreasi di Kuala Lumpur yang diwartakan bagi kegunaan orang ramai,” katanya pada sesi soal jawab.

Beliau menjawab soalan tambahan P Prabakaran (PH-Batu) mengenai perkembangan taman awam dan hutan simpan di Kuala Lumpur serta strategi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam menyasarkan nisbah 20 meter persegi kawasan tanah lapang berpenduduk dijadikan sebagai kawasan hijau.

Dr Zaliha berkata, seluas 68.26 hektar kawasan hijau di ibu negara diwartakan sebagai hutan simpan iaitu Hutan Simpan Bukit Nanas, Hutan Simpan Bukit Sungai Puteh, Hutan Simpan Bukit Sungai Besi dan Hutan Simpan Bukit Lagong (Tambahan). BERNAMA